


## Sistem Pemerintahan dan Pentadbiran Negara Malaysia

- 1) Demokrasi berparlimen;
  - a) Rakyat melibatkan diri dalam sistem perlembagaan negara.
  - b) Raja-raja Melayu - lambang taat setia rakyat.
  - c) Rakyat berpeluang membentuk kerajaan.
  - d) Rakyat bebas memilih perwakilan melalui pilihan raya.
  - e) Mereka menyokong, mengekalkan atau menukar kerajaan yang sedia ada melalui pilihan raya
- 2) Perlembagaan
  - a) Prinsip asas pembentukan negara
  - b) Memandu kerajaan membuat keputusan
  - c) Rujukan kepada kerajaan untuk memerintah
  - d) Panduan pengagihan kuasa antara institusi
  - e) Mengandungi 183 perkara
  - f) Peruntukan seperti Senarai Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, Institusi Yang Dipertuan Agong, Parlimen, Jemaah Menteri dan badan Kehakiman.
  - g) Keluhuran
  - h) Mengatasi ,Yang Di Pertuan Agong, Parlimen, Jemaah Menteri dan & Mahkamah
  - i) Undang-undang tidak sab seandainya beraugghah dengan perlembagaan
  - j) Undang-undang negeri mesti selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.
- 3) Kepentingan Perlembagaan
  - a) Menentukan rangka bentuk pentadbiran
  - b) Menjamin taat setia rakyat yang tidak berbelah bagi kepada negara.
  - c) Menjamin Kestabilan negara dengan menentukan rangka dan bentuk pentadbiran.
  - d) menjamin kecekapan, kejujuran, keadilan, ketelusuran & kelincinan pentadbiran
  - e) Panduan pemimpin supaya pemerintahannya menepati kehendak perlembagaan dan aspirasi rakyat.
  - f) Menjamin hak asasi dan kebebasan dalam berpersatuan, beragama dan memiliki harta
  - g) Memperuntukkan peranan YDPA dalam menjaga dan memelihara hak istimewa serta kedudukan orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah:
    - i) jawatan dalam perkhidmatan awam
    - ii) biasiswa
    - iii) pendidikan
    - iv) lesen perniagaan dan perdagangan
  - h) Menjamin kerjasama, kesepakatan, keadilan dan kepentingan bersama antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri
  - i) Menjamin kedudukan hak istimewa orang melayu dan bumiputera di Sarawak dan sabah tidak dipersoal.
  - j) Memastikan wujudnya keadilan sosial untuk semua kaum yang menjadi warganegara
  - k) Walau bagaimanapun, kebebasan ini dihadkan dan warganegara tidak dibenarkan bercakap isu-isu sensitif.
  - l) Hal ini bagi mengelakkan kebencian antara kaum dan mengelakkan berlakunya percaduhan yang boleh mengancam keselamatan negara.
  - m) Seseorang akan dilucutkan kerakyatan sekiranya:
    - i) mendapat kerakyatan dari negara lain
    - ii) tidak setia kepada negara


- 4) Pindaan Perlembagaan
- a) Pindaan perlembagaan Malaysia boleh dipinda dengan cara;
    - i) Perkara 159 dan 161 (E)
      - (1) Sesetengah perkara boleh dipinda hanya dengan majoriti suara dua pertiga dalam Dewan Parlimen dengan syarat mendapat keizinan Majlis Raja-Raja. Perkara yang menyentuh:
        - (a) Kedaulatan raja-raja Melayu
        - (b) Kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera
        - (c) Kewarganegaraan
        - (d) Perubahan sempadan negeri
    - ii) B. Perkara 161 (E)
      - (1) Perkara yang mempunyai kepentingan khas bagi Sarawak dan Sabah boleh dipinda dengan majoriti suara dua pertiga dalam dewan parlimen jika dipersetujui oleh Yang Dipertua Negeri. Perkara yang menyentuh:
        - (a) Kepentingan Sarawak dan Sabah.
        - (b) Akta imigresen
        - (c) Keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi
        - (d) Perkara berkaitan dengan agama, bahasa dan hak istimewa orang Melayu dan bumiputera
    - iii) Kaedah Ketiga
      - (a) ( persetujuan majoriti lebih suara 2/3 Dewan parlimen
      - (b) Perkara-perkara yang tidak disebut dalam mana- mana 3 kaedah pindaan.
    - iv) C. Perkara 159 (4)
      - (1) Sesetengah perkara boleh dipinda dengan persetujuan lebih suara dalam Dewan Parlimen.
        - (a) Antara pindaan;
        - (b) Jadual tertentu dalam Bahagian III perlembagaan.
        - (c) Perkara 74 Senarai Persekutuan dan 76 Senarai Bersama dalam perlembagaan
  - b) Sejak 1957, Perlembagaan Malaysia telah dipinda beberapa kali.
    - i) Tujuan pindaan untuk :
      - (1) melindungi kepentingan rakyat,
      - (2) menjaga keselamatan negara dan
      - (3) melicinkan urusan pentadbiran negara.
      - (4) Pindaan perlu sentiasa relevan dan sesuai dengan keperluan semasa.
    - ii) Perkara sensitif yang tidak boleh dipersoalkan ialah:
      - (1) pemerintahan beraja
      - (2) agama Islam
      - (3) kedudukan bahasa Melayu
      - (4) hak istimewa orang Melayu
    - iii) Akta Hasutan 1970: menghadkan seseorang bercakap :
      - (1) perkara sensitif yang boleh menimbulkan perbalahan
      - (2) kaum
    - iv) Tujuannya untuk memelihara keselamatan, ketenteraman dan keharmonian masyarakat berbilang kaum.
    - v) Antara pindaan besar :
      - (1) pemansuhan imuniti (kekebalan) YDPA dan Raja
      - (2) daripada kesalahan jenayah

- 5) Raja Berperlembagaan
- Peruntukkan perlembagaan Malaysia
  - Yang Di Pertuan Agong dilantik oleh Raja-Raja Melayu
  - Tunggak dan simbol perpaduan rakyat
  - Bermaksud sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia
  - YDPA bertindak berdasarkan Perlembagaan Malaysia dan nasihat Perdana Menteri.
  - YDPA tidak boleh bertindak sendirian kecuali perkara yang memerlukan budi bicara baginda.
  - YDPA dipilih daripada kalangan 9 Raja Melayu secara bergilir-gilir mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia
  - YDPA menjadi tonggak keagungan Malaysia.
  - Giliran YDP Agong:  
Negeri Sembilan – Selangor - Perlis – Trengganu – Kedah - Kelantan - Pahang – Johor - Perak
- 6) Bidang kuasa;
- Ketua negara
  - Ketua Panglima Angkatan bersenjata
  - Berkuasa memanggil dan membubarkan parlimen
  - Ketua agama Islam bagi negeri sendiri dan negeri yang tidak beraja
  - Memelihara hak dan kedudukan istimewa orang Melayu
  - Melantik Jemaah Menteri dan hakim
  - Mentauliah duta
  - Membubar Dewan Rakyat - Kuasa Prerogatif Agong
  - Melantik Perdana Menteri – Kuasa Prerogatif Agong

7) Kuasa Pemerintah



- 8) Badan Perundangan : (Legislatif )
- Menggubal undang-undang
  - Parlimen terdiri daripada Yang Di Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat
  - 3 jenis undang-undang
    - Akta ialah Undang-undang yang dibuat oleh parlimen
    - Enakmen ialah Undang-undang yang dibuat oleh Dewan Undangan Negeri
    - Ordinan ialah Undang-undang yang dibuat oleh kerajaan Sarawak
- 9) Badan Pelaksana ( Eksekutif )
- Jemaah Menteri atau Kabinet
  - Bertugas menggubal dasar-dasar kerajaan
  - Perdana Menteri mengetuai kabinet
  - Menteri mengetuai kementerian
  - Perkhidmatan awam diketuai oleh Ketua Setiausaha Kerajaan
  - Jabatan diketuai ketua pengarah
  - Badan berkanun diketuai Lembaga pengarah
  - Suruhanjaya mengendalikan urusan pelantikan, kenaikan pangkat dan tindakan disiplin kakitangan awam
- 10) Badan Kehakiman : (Judasari )
- Melaksanakan tugas kehakiman
  - Mentafsir Perlembagaan Malaysia
  - Mentafsir undang-undang
  - Mengisyiharkan sesuatu undang-undang
  - Mengisyiharkan sesuatu tindakan kerajaan
  - Hakim dilantik oleh Yang Di Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri
  - Hakim tidak dibenarkan bergiat dalam politik.
  - Struktur Kehakiman di Malaysia




- 11) Pilihan raya
- Proses memilih wakil rakyat yang memerintah di peringkat negeri atau pusat
  - Dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya

12) Kepentingan mengadakan pilihan raya

- a) Penting kepada semua warganegara dalam sistem pemerintahan demokrasi
- b) Setiap warganegara haruslah bertanggungjawab tentang perkembangan politik semasa
- c) Melibatkan diri dalam proses memilih pemimpin negara
- d) Menentukan bentuk kerajaan
- e) Mereka melaksanakan corak pemerintahan demokrasi melalui pilihan raya

13) Jata Negara



14) Bendera Jalur Gemilang

